

Penggunaan Teknik Bercerita Dan Anotasi Dalam Meningkatkan Kemahiran Membaca Murid

Nor Hazwani Harun Rushid

nor_hazwani_harun_rushid@schools.gov.sg

Suriyana Ghapari

suriyana_ghapari@schools.gov.sg

Sekolah Rendah Zhenghua

Abstrak

Murid-murid Darjah 3 menghadapi kesukaran menjawab soalan kefahaman subjektif. Mereka tidak dapat memahami isi petikan kefahaman subjektif yang biasanya lebih panjang serta tidak mampu menjawab soalan-soalan berdasarkan petikan kefahaman subjektif. Kajian ini dijalankan untuk mempersiapkan dan membina kemahiran murid menjawab soalan kefahaman subjektif dengan lebih berkesan. Bagi mencapai matlamat kajian, satu pembelajaran yang menggunakan teknik penceritaan semula dan anotasi telah diperkenalkan. Di samping itu, penggunaan wadah digital juga dimanfaatkan agar pembelajaran lebih menyeronokkan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid-murid lebih mudah memahami petikan kefahaman subjektif setelah menggunakan teknik tersebut memandangkan mereka merupakan peribumi digital. Kajian ini juga mendapati terdapat peningkatan dalam pencapaian markah murid.

Kata Kunci: kefahaman subjektif, teknik penceritaan, wadah digital, pencapaian murid

PENGENALAN

Murid-murid Darjah 3 mula didedahkan kepada petikan kefahaman subjektif yang mengandungi beberapa perenggan. Semasa di peringkat Darjah 2, petikan kefahaman subjektif ternyata lebih pendek dan pemilihan kosa kata lebih mudah. Murid-murid kumpulan sasaran menghadapi kesukaran memahami petikan yang lebih panjang. Ditambah lagi dengan kosa kata yang semakin susah dan pelbagai. Satu ujian diagnostik telah dijalankan pada Penggal 1 untuk mengenal pasti permasalahan ini. Dapatan bagi ujian diagnostik tersebut telah mempengaruhi bentuk kajian yang dijalankan bagi memperkukuhkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) serta meningkatkan kemahiran memahami petikan kefahaman subjektif.

PERNYATAAN MASALAH

Peralihan peringkat dari Darjah 2 ke Darjah 3 membabitkan pelbagai bentuk penilaian yang berbeza. Salah satu daripada penilaian tersebut merupakan format kefahaman subjektif. Jika di peringkat Darjah 2, murid-murid dinilai berdasarkan Penilaian Holistik, di peringkat Darjah 3 pula, murid-murid dinilai menerusi peperiksaan formal semester (*Semestral Assessment*).

Format kefahaman subjektif di peringkat Darjah 3 memerlukan murid-murid untuk memahami pembacaan kerana bentuk-bentuk soalan yang lebih mencabar. Masalah utama yang dikenal pasti ini penting kerana di peringkat inilah murid-murid yang tidak berupaya memahami petikan kefahaman subjektif biasanya akan menyerah kalah untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan. Tambahan, sudah menjadi kebiasaan, murid-murid membaca sepintas lalu tanpa memahami isi kandungan petikan kefahaman. Mereka juga tidak dapat memahami apa yang dibaca dalam setiap perenggan. Apabila perkara ini berlaku, murid-murid ini akan menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif dengan menyalin semula sebahagian besar ayat-ayat dalam perenggan tanpa mengenal pasti jika jawapan mereka telah menjawab tuntutan soalan kefahaman.



TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini untuk:

1. membantu murid memahami petikan kefahaman subjektif menggunakan kaedah anotasi dan teknik 'Bercerita Semula'; dan
2. menggunakan portal SLS sebagai satu cara pembelajaran yang menyeronokkan.

KAJIAN LEPAS

Menurut Marshall (1983), teknik 'Bercerita Semula' membenarkan pembaca atau pendengar menyusun respons mengikut interpretasi masing-masing. Dengan menganalisis cara 'Bercerita Semula', guru boleh mengenal pasti masalah yang tidak ketara jika dibandingkan hanya dengan menjawab soalan-soalan secara lazim.

Blachowicz & Olge (2008) menyatakan bahawa murid-murid mudah terlupa isi petikan kefahaman jika mereka tidak memahami petikan tersebut dengan lebih mendalam. Proses memahami petikan kefahaman tidak berlaku pada satu-satu masa sahaja tetapi ia merupakan proses yang mengambil masa yang panjang. Para pembaca mesti mempunyai usaha kolektif yang berterusan demi memahami petikan kefahaman.

Lu-Fang Lin (2010) pula berpendapat bahawa teknik 'Bercerita Semula' membenarkan pembaca menyusun semula fakta cerita yang dibaca dan kemudian mampu menghubungkan pertalian dari satu perenggan ke satu perenggan. Kebolehan membuat tautan ini biasanya dilakukan oleh pembaca yang mempunyai pemahaman yang tinggi ke atas petikan kefahaman tersebut.

Gambrell (1985) pula menegaskan bahawa teknik 'Bercerita Semula' berupaya membantu pembaca untuk memberi perhatian kepada keadaan semula jadi cerita yang holistik hingga membentuk rangka petikan kefahaman dan penerangan. Teknik ini juga berupaya memberi peluang kepada pembaca untuk memproses butiran secara lisan dengan urutan dan pemahaman.



Melalui proses yang aktif dalam teknik 'Bercerita Semula', pengkaji merasakan bahawa teknik ini penting bagi membantu pembaca menghasilkan pemahaman terhadap petikan dalam pelbagai bentuk kesusasteraan.

Roney (1989) berpandangan bahawa dengan menggunakan teknik 'Bercerita Semula' ke dalam program membaca, guru sebenarnya menyediakan cara yang berkesan untuk mengembangkan pemahaman dan pengetahuan am murid-murid.

KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini berasaskan Kajian Pengajaran (*Lesson Study*) kitaran yang pertama. Dapatan kaedah kuantitatif diperoleh daripada perbandingan data pra ujian dan pasca ujian.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 24 orang murid Darjah 3 pada aras kebolehan. Disebabkan murid-murid menduduki kertas penilaian holistik yang lebih mudah di peringkat sebelumnya, penelitian awal guru mendapati bahawa mereka menghadapi kesukaran dalam memahami petikan dan mengenal pasti kandungan yang sesuai untuk menjawab soalan kefahaman subjektif dengan betul.

Fokus kajian ialah membantu pelajar untuk memahami dengan lebih mendalam isi petikan. Murid-murid menggunakan teknik 5W1H supaya mereka dapat mengenal pasti bagaimana untuk menjawab soalan-soalan yang diajukan dengan betul. Semasa pelajaran dijalankan, murid-murid membaca, membuat anotasi kemudian menggunakan teknik 5W1H untuk setiap perenggan.

Instrumen Kajian

Dalam kajian ini, guru menggunakan petikan kefahaman yang bertemakan 'Jiran'. Guru menggunakan teknik 'Bercerita Semula' untuk membantu murid-murid mengenali dan memahami petikan secara sistematik dan sendiri. Guru



menyediakan platform ICT menggunakan portal *Student Learning Space* (SLS) dan *Kahoot* sebagai wadah untuk murid meninjau setiap perenggan, membuat anotasi dan mengenal pasti isi kandungan yang relevan untuk digunakan bagi menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif. Pemilihan penggunaan *Kahoot* dalam PdP untuk kajian ini disebabkan murid-murid sudah biasa menggunakan wadah tersebut semasa mereka di peringkat sebelumnya. Pengkaji mahu memastikan murid-murid boleh menggunakan teknik anotasi dan teknik ‘Bercerita Semula’ dengan betul dan baik.

Prosedur Kajian

Video animasi bertajuk ‘Semangat Kejiranan’ telah digunakan untuk merangsang minat murid meneroka tema ini. Dengan bimbingan guru, murid bincangkan 5W1H berdasarkan video. Kemudian, murid-murid membaca petikan secara keseluruhan dan bincangkan makna perkataan-perkataan yang susah dalam petikan. Guru mengenalkan pautan kamus dalam talian kepada murid agar ia menjadi kebiasaan untuk murid mencari makna kepada perkataan-perkataan yang susah.

Aktiviti pertama di portal SLS merupakan aktiviti ‘Susun Semula Cerita’. Aktiviti ini membolehkan murid untuk mengetahui jalan cerita petikan kefahaman. Aktiviti seterusnya membabitkan guru untuk menggunakan teknik ‘Bercerita Semula’ melalui portal SLS untuk membantu murid-murid berfikir dengan sistematik. Langkah ini membolehkan murid-murid untuk memahami dengan lebih jelas dan terperinci apa yang cuba disampaikan dalam setiap perenggan berdasarkan penggunaan teknik 5W1H.

Penggunaan *Kahoot* pula, membantu murid untuk fokus kepada soalan-soalan kefahaman subjektif. Murid-murid berupaya untuk mengisi tempat-tempat kosong berdasarkan pemahaman tentang jalan cerita kefahaman subjektif tersebut. Secara tidak langsung, murid-murid ini sekali gus berjaya menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif yang disediakan. Sejarar dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP), pengkaji telah menggunakan proses pengajaran Penilaian dan Maklum Balas Saya Buat, Saya Tahu, Saya Semak (*I Do, I Know, I Check*). Senarai semak tersebut mengandungi soalan-




soalan panduan untuk murid-murid membuat refleksi tentang apa yang telah mereka lakukan dalam pembelajaran sendiri dan kemahiran yang telah mereka capai. Pengkaji menganalisis respons murid-murid untuk menetapkan bentuk pengajaran bagi mempercekapkan pemahaman murid-murid dalam pembacaan kefahaman.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini dijalankan secara khusus untuk melihat sejauh mana langkah mengenalkan teknik baharu dalam memahami pembacaan boleh membantu murid-murid. Data kajian yang dikumpulkan mengambil kira empat soalan kefahaman subjektif. Markah penuh bagi empat soalan ini ialah lapan markah. Pengkaji tidak mengambil kira soalan terakhir iaitu soalan yang menguji makna kosa kata dalam dapatan ini.


Rajah 1: Markah Prakajian Murid



Berdasarkan dapatan prakajian (Rajah 1), ada segolongan murid yang tidak dapat menjawab soalan-soalan kefahaman. Apabila ditanyakan sebabnya, rata-rata menjawab bahawa mereka tidak berjaya memahami jalan cerita petikan tersebut yang dianggap susah.



Rajah 2: Markah Pascakajian Murid



Namun, setelah diajar teknik baharu anotasi dan 'Bercerita Semula', tiada seorang pun murid yang gagal semasa menjawab semua soalan kefahaman subjektif (Rajah 2). Dapatan pascakajian menunjukkan murid-murid mampu mencapai markah penuh selepas mengaplikasikan penggunaan teknik baharu yang diajar.

Jadual 1: Perbandingan Markah Prakajian Dan Pascakajian Murid

	Markah				
	8	6	4	2	0
%					
Prakajian	37.5	20.8	29.2	8.3	4.2
Pascakajian	62.5	25	12.5	-	-

Hal ini menunjukkan bahawa prosedur kajian yang telah dijalankan berkesan untuk meningkatkan kemahiran murid-murid menjawab soalan kefahaman subjektif. Teknik 'Bercerita Semula' sememangnya dapat membantu murid berfikir secara sistematik kerana mereka lebih memahami jalan cerita. Penggunaan portal SLS memberi peluang kepada murid-murid untuk mengakses nota-nota pengajaran apabila diperlukan. Mereka boleh menggunakannya semasa membuat latihan kefahaman.

Penggunaan *Kahoot* pula merupakan wadah yang baik untuk menilai sejauh mana murid-murid memahami pengajaran dengan cara yang

menyeronokkan. Murid yang boleh menjawab dengan cepat dan tepat merupakan murid-murid yang memberi perhatian penuh semasa pembelajaran berlangsung dan apabila mereka berebut-rebut untuk menjawab, ia menghasilkan persaingan yang sihat dalam kalangan mereka.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan keberkesanan teknik 'Ber cerita Semula'. Teknik ini menolong murid-murid berfikir secara sistematik dan memahami jalan cerita dengan lebih baik. Berdasarkan tinjauan yang dijalankan, 100% murid bersetuju bahawa langkah yang digunakan menarik dan dapat merangsang pemikiran mereka untuk memahami teks bacaan dan menjawab soalan yang dengan tepat. Sebanyak 95% murid lebih yakin untuk menggunakan teknik ini sewaktu menjawab soalan kefahaman.

Guru yang turut terlibat dalam kajian:

1. Siti Nurashikin Ajmain
2. Hyeryanti Suradi
3. Jumilah Ahmad
4. Siti Rashidah Abdul Karim
5. Sabrina Samsuri
6. Azlina Wagiman

RUJUKAN

- Blachowiz C., Olge D. (2008). *Reading Comprehension; Strategies for Independent Learners* (2nd Edition). New York. The Guilford Press.
- Gambrell, Linda B., et al (1985). *The Effects of retelling Upon Reading Comprehension and Recall of Text Information*. Journal of Educational Research, 78, #4, 216- 220.
- Lu-Fang, L. (2010). *The Impact of the Retelling Technique on Chinese Students' English Reading Comprehension*; The Asian EFL Journal. Retrieved from: www.asian-journal.com/PDF/Jume-2010.pdf



Marshall, N. (1983). *Using story grammar to assess reading comprehension*.
The Reading Teacher, 36, 616-620

Roney, R. (1989). *Back to the Basics with Story Telling*. Reading Teacher, 42,
520-523.